



سوارا کساتوان کورو ملايو مليسيا بارت Suara KGMMB

Lidah Rasmi Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat



Bil. 10 JILID DIS 2024

PP 17195/12/2012(030822)

Pendaftaran: 425



AI DALAM PENDIDIKAN NEGARA

“Pengintegrasian kecerdasan buatan (AI) dalam pedagogi merangkumi pembangunan perisian dan aplikasi yang membolehkan murid memanfaatkan teknologi AI untuk meningkatkan pemahaman, prestasi dan pengalaman pembelajaran bermakna.”

Tuan Haji Azman bin Haji Adnan
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

KGMMB MENERIMA ANUGERAH
KESATUAN SEKERJA CONTOH (MS 13)

KOPERASI KGMMB BHD MENERIMA ANUGERAH
KOPERASI TERBAIK WILAYAH PERSEKUTUAN (MS 27)

KESATUAN GURU-GURU MELAYU MALAYSIA BARAT

03-40455140/40430336

03-40457041

011-10615636

admin@kgmbb.net

No. 720, Tingkat 3,
Jalan Sentul,
51000 Kuala Lumpur

www.kgmbb.net

KGMMB Ibu Pejabat

Sidang Pengarang



Berdiri Hadapan Dari Kiri : Cikgu Noor Hayazi bin Abd Mutholib , Cikgu Ibrahim bin Marlan, Cikgu Haji Juhari bin Mohamad Nor, PJK, Cikgu Syed Ahmad Zawawi bin Syed Akil, Cikgu Ahmad Nawawi bin Shaari, Cikgu Md. Nordin bin Yusof @ Jusoh

Berdiri Belakang Dari Kiri : Cikgu Muhammad Saiful Azhar bin Mohammad Safie, Cikgu Mohd Sobri bin Yusuf, Cikgu Mohd Syaifulhasry bin Abd Aziz, Cikgu Mohd Faisal bin Baharim , Encik Muhammad Faiz bin Mohamad, Puan Hajah Norsimah binti Zainal Abidin , Puan Kamariah binti Mohd Sari, Puan Norizan bt Alang Pili

Tiada dalam gambar: Cikgu Hj Mohd Said bin Hussin dan Cikgu Hj. Masron bin Muhammad

Penasihat :

Cikgu Haji Juhari bin Mohamad Nor, PJK

Pengerusi :

Cikgu Syed Ahmad Zawawi bin Syed Akil

Naib Pengerusi 1 :

Cikgu Ibrahim bin Marlan

Naib Pengerusi 2 :

Cikgu Mohd Faisal bin Baharim

Ketua Pengarang :

Cikgu Haji Masron bin Muhammad

Ketua Editor :

Cikgu Haji Mohd Said bin Hussin, PMC

Pengarang :

Cikgu Ahmad Nawawi bin Shaari

Cikgu Md. Nordin bin Yusof @ Jusoh

Cikgu Muhammad Saiful Azhar bin Mohammad Safie

Cikgu Noor Hayazi bin Abd. Mutholib

Penolong Editor :

Cikgu Mohd Sobri bin Yusuf

Setiausaha :

Puan Kamariah binti Mohd Sari

Penolong Setiausaha :

Puan Hajah Norsimah binti Zainal Abidin

Ketua Grafik :

Encik Muhammad Faiz bin Mohamad

Penolong Grafik :

Cikgu Mohd Syaifulhasry bin Abd Aziz

Iklan :

Puan Norizan bt Alang Pili

Pegawai Kanan Sesi 2023-2026



Duduk Dari Kiri : Cikgu Syed Ahmad Zawawi bin Syed Akil, Cikgu Haji Masron bin Muhammad, Cikgu Haji Juhari bin Mohamad Nor, PJK, Cikgu Mohd Faisal bin Baharim, Cikgu Muhammad Saiful Azhar bin Mohammad Safie.

Berdiri Dari Kiri : Cikgu Md Nordin bin Yusof @ Jusoh, Cikgu Zunazri bin Ismail, Cikgu Ahmad Sofi bin Zainal Abidin, Cikgu Mohd Fadzli bin Musa, Cikgu Mohd Syaifulhasry bin Abd Aziz, Cikgu Mohd Sobri bin Yusuf, Cikgu Noor Hayazi bin Abd. Mutholib.

Dicetak oleh :

Alamedia Sdn. Bhd.

No.14, Jalan LP 1a/5, Lestari Perdana, 43300 Seri Kembangan, Selangor

Tel: 03-8945 0420



Salam sejahtera, Salam Malaysia Madani dan Salam Hidup berbakti.

Alhamdulillah, saya panjatkan syukur kepada Allah SWT atas nikmat yang dikurniakan kepada kita. Tahniah dan syabas kepada sidang redaksi Biro Penerbitan KGMMB atas kejayaan menerbitkan SUARA KGMMB edisi 2025 yang istimewa ini. Terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya mencoretkan sepatah dua kata di dalam buletin ini.

Pada 14 November 2024, KGMMB telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Kesatuan Sekerja Contoh 2024 Sektor Awam. Anugerah ini disampaikan oleh Yang Berhormat Encik Steven Chee Keong, Menteri Sumber manusia (KESUMA). Anugerah berprestij ini amat bermakna kepada KGMMB yang mewakili sektor awam dan pastinya berita gembira ini dikongsi bersama dengan seluruh warga pendidikan. Kejayaan tidak dicapai dengan mudah tetapi penuh cabaran yang berlaku kerana bersaing dengan kesatuan yang lebih berpengaruh.

Perjuangan KGMMB bersama CUEPACS selama 12 tahun supaya gaji penjawat awam disemak semula khususnya kenaikan gaji tahunan warga guru mendapat respons yang positif daripada kerajaan Malaysia Madani. Kenaikkan gaji 15% dan 7% amat menggembirakan penjawat awam dan warga guru. Semoga ianya menyuntik



Salam KGMMB Hidup Berbakti Salam Malaysia Madani.

Segala puji bagi Allah S.W.T. yang mentadbir sekalian alam. Selawat dan salam kepada Rasulullah S.A.W., para sahabat, keluarga baginda serta para pendukung Islam hingga ke akhir zaman. Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya, dapat saya menyampaikan sepatah dua kata dalam Suara KGMMB tahun 2025 ini. Selamat Tahun Bahru. Semoga kita terus mendapat rahmat Allah S.W.T.

Sempena tahun baharu ini, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada 19,173 anggota koperasi yang masih setia bersama

Sekapur Sirih Presiden KGMMB

Tiku Hj Juhari Bin Mohamad Nor POK

tonik motivasi kepada warga guru untuk terus memberikan komitmen yang terbaik dalam perkhidmatan. Perjuangan menuntut kebajikan guru tidak akan berhenti di situ sahaja. Banyak lagi yang perlu kita perjuangkan seperti kemudahan tablet/peranti kepada setiap guru, kemudahan dan keselesaan prasarana sekolah seperti bilik guru dan tandas guru, kekuatan internet di sekolah selaras dengan hasrat pemerkasaan pendidikan digital dan menambah peruntukkan membaiki sekolah yang uzur demi untuk kesejahteraan dan keselamatan murid dan warga sekolah. Selain itu juga kita mendesak supaya elau pentadbir dan guru yang memegang tugas khas ditambah dan KPM juga diminta meningkatkan jumlah pengambilan guru baharu untuk menampung kekurangan guru di seluruh negara.

SUARA KGMMB adalah medium rasmi dan nadi penyambung hubungan silaturahmi sesama ahli KGMMB dan guru-guru yang lain. Sebagai ahli KGMMB dan warga guru kita juga perlu memahami Halatuju Pendidikan Negara. Kata-kata keramat yang menjadi inspirasi warga KPM ialah 'Murid Ceria, Guru Bahagia, Sekolah Bitara dan Negara Sejahtera' perlu sentiasa di bibir dan terpacat di jiwa. Reformasi Pendidikan tidak akan dicapai tanpa sokongan warga guru. Walau di cerok mana sahaja kita bertugas kita perlu jelas bahawa Reformasi Pendidikan memberi fokus kepada Pendidikan Prasekolah, Pendidikan STEM, Pendidikan TVET, Pemerkasaan Pendidikan Digital, Pemerkasaan Bahasa Melayu Pengukuhan Bahasa Inggeris dan Intervensi Kurikulum. Kitalah yang menjadi jentera utama dalam mencapai hasrat tersebut.

Fokus utama KGMMB ialah menjaga kebajikan ahli dan memartabatkan guru di persada pendidikan negara. Kita juga perlu bergerak pantas seiring dengan perubahan dasar negara dan kehendak pendidikan hari ini. Perkembangan AI (Artificial Intelligence) atau Kecerdasan Buatan

telah menjadi satu cabang sains yang mendapat perhatian seluruh dunia. Ia juga sangat penting dan merupakan keperluan masyarakat masa kini. KGMMB amat cakna dan memohon KPM dan pihak yang terlibat menyediakan kursus dan bengkel secara bersemuka atau dalam talian kepada warga guru terutama dalam pengajaran dan pembelajaran di kelas dan di luar kelas. Isu-isu guru dan maklum balas segera daripada peringkat KPM diharapkan akan lebih pantas dengan menambah baik ekosistem pendidikan digital seiring dengan perkembangan AI.

KGMMB memahami agenda pendidikan manusiawi bagi memastikan tiada kanak-kanak ketinggalan dalam mencapai akses kepada pendidikan berkualiti serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua amat murni sekali. Selaras dengan itu KGMMB menyokong pencalonan kerajaan Malaysia bertanding kerusi Lembaga Eksekutif UNESCO sesi 2025-2029. Semoga iltizam Malaysia untuk melaksanakan beberapa langkah penting untuk merealisasikan objektif 'Membina Masa Depan yang Berbeza' melalui kompetensi UNESCO dalam bidang pendidikan, sains semula jadi, sains dan sains sosial, kebudayaan dan inisiatif kerjasama dengan semua pihak menjadi kenyataan dan membawa manfaat yang besar pada bidang pendidikan di Malaysia.

Akhir kalam saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli KGMMB yang sentiasa berdiri teguh dan menyokong kepimpinan dalam menjaga kebajikan dan membawa suara ahli kepada pihak KPM selama ini. Mohon maaf atas segala kelemahan dan kekurangan.

HIDUP BERBAKTI

Sekian, terima kasih.

Sekapur Sirih Pengerusi Koperasi KGMMB Bhd

Tiku Ibrahim Bin Marlan

koperasi hingga ke hari ini. Saya juga mengambil peluang untuk mengalu-alukan ahli kesatuan yang belum menjadi anggota koperasi agar dapat bersama kami.

Mengapa kita perlu menyertai koperasi? Koperasi kita tersenarai dalam indeks 100 Koperasi Terbaik Malaysia 2024 di tempat ke-40 dan tempat ke-16 koperasi terbaik dalam negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jumlah modal yuran ialah sebanyak RM88,359,686.00 dan modal syer sebanyak RM2,082,160.00. Jumlah perolehan pula sebanyak RM7,108,548.00 dan keuntungan bersih ialah sebanyak RM3,996,774.00. Kejayaan ini tercapai hasil daripada kerjasama semua Anggota Lembaga Koperasi, Jawatankuasa Audit Dalam, Staff dan anggota yang aktif.

Apa yang anggota dapat dari segi kebajikan? Koperasi telah membelanjakan sebanyak RM1,983,030.00 daripada Tabung Pendidikan dan Kebajikan Anggota (TPKA) kerana melanjutkan pelajaran (RM627,200.00), kecemerlangan pelajaran (RM196,350.00), bencana alam

(RM29,200.00), kematian (RM210,800.00), faedah hospital (RM83,480.00), faedah bersara (RM752,900.00) dan haji / umrah kali pertama (RM83,100.00).

Projek besar yang akan berjalan pada tahun ini ialah penjualan 18 lot tanah di Kampung Gemuruh, Terengganu, Perumahan secara usahasama di Mukim Semantan, Pahang, Pusat Dialisis di Sungai Tong, Terengganu dengan kerjasama Myangkasa Dialisis Sendirian Berhad dan pembinaan hotel budget di Jalan Pudu, Kuala Lumpur.

Akhir kata, marilah kita bekerjasama dan memberi sokongan padu dengan menjadi anggota yang aktif melanggan perkhidmatan, memberi idea dan saranan serta memastikan koperasi sentiasa diurus dengan tadbir urus yang baik berdasarkan prinsip, undang-undang dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

HIDUP BERBAKTI

Sekian, terima kasih.



السَّالَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Syukur Alhamdulillah kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, SUARA Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) tahun 2025 ini dapat dihasilkan. Penerbitan SUARA KGMMB ini merupakan acap kali di awal tahun menjadi liputan laporan pengurusan kalangan kepimpinan baru. Ini merupakan manifestasi kepada kesungguhan

dan ketekunan warga kerja Kesatuan dan Koperasi KGMMB dalam merealisasikan hasrat untuk meninggikan imej kedua-dua entiti sekaligus menjana perubahan positif ke arah meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan kepada ahli kesatuan, juga anggota koperasi. Penceritaan tentang kejayaan dan pencapaian kesatuan juga koperasi haruslah dilihat dari sudut peningkatan motivasi dan pemupukan nilai cintakan KGMMB di kalangan warga pendidik, banyak kejayaan berputik daripada samangat kerja berpasukan dan inovasi warganya. Pemaktuban warkah berupa SUARA rasmi ini

diharapkan dapat merakamkan dalam lipatan sejarah aktiviti-aktiviti penting KGMMB sepanjang sesi 2023/2024 selain dari menjadi wadah penyampaian maklumat untuk sebaran dalaman dan luaran. Artikel berbentuk ilmiah turut dimuatkan dalam SUARA KGMMB ini dengan harapan dapat mencambah serta menjana potensi dan kompetensi di kalangan warga KGMMB dalam melaksanakan amanah yang telah diberi.

Sekian, terima kasih.

Ketua Pengarang

Tunku Haji Masron bin Muhammad

Sistem Saraan Perkhidmatan Awam



Nostalgia Mantan Presiden Prof Madya Dato' Hj. Abdul Rahman Bin Daud

Dilahirkan pada 19 Februari 1951. Mendapat pendidikan aliran Melayu dan Inggeris. Memperolehi Sarjana Muda di Universiti Malaya pada tahun 1973. Diploma Pendidikan di Universiti Malaya pada tahun berikutnya 1974. Meneruskan pendidikan Sarjana Lengkap (Drs) pada tahun 1989 di Universiti Nasional Indonesia. Seterusnya pada tahun 1992 Sarjana Pendidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Doktor Falsafah pada tahun 1999 di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Berkemahiran dalam pengajaran Geografi dan juga dalam Rekabentuk Pengajaran dan Pembelajaran. Penyumbang kepada Bahan dan Sumber Pengajaran. Mahir sebagai pembentang kertas kerja dalam bidang pendidikan. Maka tidak hairanlah beliau dilantik untuk menjalankan penyelidikan dan melatih guru.

Antara kursus tertinggi yang pernah Prof Madya Dato Haji Abdul Rahman bin Daud hadir iaitu di AIB pada tahun 1986, Islamic Discourse pada tahun 1988. Seterusnya di Manila, Filipina pada tahun 1989. Pada tahun 1995 di Bangkok, Thailand. Kursus Teknikal di Jepun pada tahun 2001. Seminar Koperasi di Kuwait pada tahun 2003. Lawatan dan meletak batu asas Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) berkaitan Pengajian Melayu di Universities La Rochelle, Perancis, Universities Leiden Belanda, dan SOAS di Universiti London, England.

Pengalaman bekerja sebagai guru akademik pada tahun 1975 hingga 1986. Sebagai Penolong Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1986 hingga 1989. Dilantik sebagai Penolong Pengarah Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1989 – 1990. Dilantik sebagai Pensyarah di Institut Perguruan Sultan Idris (IPSI), Tanjong Malim, Perak pada tahun 1992 hingga 1997. Seterusnya di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada tahun 1997 hingga 2002 sebagai Ketua Jabatan Pendidikan. Sebagai Pensyarah di Open Universiti Kuala Lumpur pada tahun 2002 hingga 2004. Kembali semula di UPSI pada tahun 2004 hingga 2017 sebagai Prof. Madya.

Kehebatan dalam Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) sebagai Naib Presiden 2 pada tahun 1996 hingga 1998. Meneruskan kehebatan sebagai Presiden KGMMB pada tahun 1998 hingga 2006. Dalam tempoh berkenaan diberi kepercayaan sebagai Naib Pengerusi Pihak Pekerja Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) pada tahun 2000 hingga 2002. Dalam waktu yang sama dilantik sebagai Pengerusi Kesatuan Guru-Guru Nusantara (Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura) pada tahun 1999 hingga 2006. Pernah juga dilantik sebagai Pengerusi Koperasi KGMMB BHD pada tahun 2000.

Aktif dalam politik sebagai Ketua Pemuda Cawangan UMNO pada 1975 hingga 2015. AJK UMNO Cawangan, Perwakilan Pemuda dan Cawangan dalam Persidangan Bahagian. Pada tahun 2016 hingga 2021 sebagai Ahli Bersatu dan telah bertanding dalam Pilihanraya 2018 Peringkat Parlimen Arau.

Telah dianugerahkan Bintang Kebesaran Setia Mahkota Perlis (SMP) daripada DYMM Raja Perlis. Mendapat Darjah Jasa Negeri (DJN) daripada Tuan Yang DiPertua Pulau Pinang dan Darjah Dato' Panglima Syed Sirajuddin Jamalullail (DPSJ) daripada DYMM Raja Perlis.

Kehebatan Mantan Presiden KGMMB sehingga sekarang sebagai Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Guru Malaysia sejak tahun 2011. Juga sebagai Timbalan Pengerusi Koperasi Yayasan Guru Malaysia sejak tahun 2016.



Penulis Tamu

TRANSFORMASI PENDIDIKAN: IMPLIKASI KECERDASAN BUATAN (AI) TERHADAP PENDIDIKAN NEGARA PADA MASA DEPAN

Era pasca normal pada masa ini menuntut Malaysia untuk sentiasa bergerak pantas membina ekosistem yang mantap seiring dengan perkembangan teknologi. Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai pendekatan untuk meningkatkan penggunaan teknologi dalam kalangan generasi muda. Sebagai menyahut seruan YAB Perdana Menteri untuk memastikan ekosistem berkenaan terbina daripada peringkat akar umbi, KPM telah melancarkan Dasar Pendidikan Digital (DPD) pada 28 November 2023 yang merupakan satu komitmen kerajaan dalam menggalakkan penggunaan teknologi secara bersepadu, kreatif, inovatif, bertanggungjawab dan beretika dalam kalangan murid. Bagi merealisasikan aspirasi DPD, salah satu elemen yang diberi tumpuan ialah teknologi Kecerdasan Buatan atau Artificial Intelligence (AI) dalam pendidikan.

AI dalam Pendidikan

Dalam konteks pendidikan, teknologi AI melibatkan penggunaan sistem komputer yang boleh memahami, menganalisis, dan merancang bahan pembelajaran serta pengalaman pembelajaran yang bersesuaian dengan keperluan individu murid. Pengintegrasian AI dalam pedagogi pula merangkumi pembangunan perisian dan aplikasi yang membolehkan murid memanfaatkan teknologi AI untuk meningkatkan pemahaman, prestasi dan pengalaman pembelajaran bermakna. Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) mengkategorikan AI dalam pendidikan kepada tiga alat iaitu AI untuk murid, bagi menyokong pembelajaran dan penilaian; AI untuk guru untuk menyokong pengajaran; dan AI untuk sistem bertujuan menyokong pengurusan institusi pendidikan. Selari dengan hala tuju UNESCO, enam teras DPD memberi tumpuan khusus kepada penggunaan teknologi AI dalam pengajaran dan pembelajaran yang berfokuskan murid melalui Teras 1: murid fasih digital dan Teras 5: kandungan digital berkualiti. Teras 2 dan Teras 3 pula, berfokus kepada pendidik kompeten digital dan budaya kepemimpinan digital berwawasan. Manakala Teras 4 dan Teras 6 memberi tumpuan kepada pengupayaan infrastruktur dan infostruktur serta rakan strategik yang komited yang berfokus kepada pembinaan ekosistem.

Implikasi AI dalam Pendidikan

Langkah ke arah mentransformasikan landskap pendidikan melalui penggunaan teknologi AI merupakan kesinambungan inisiatif Pelan

Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 yang memberi penekanan kepada penggunaan teknologi yang optimum untuk membawa perubahan dan pembaharuan dalam aspek pedagogi agar dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang bersesuaian dengan abad ke-21. Walaupun demikian, dalam perspektif pendidikan, teknologi AI mempunyai impak positif yang signifikan dan implikasi negatif yang perlu dipertimbangkan dalam memastikan murid memperoleh manfaat yang diharapkan.

Antara impak positif penggunaan teknologi AI terhadap pendidikan terutamanya kepada murid ialah pembelajaran dapat dilaksanakan mengikut tahap kemampuan murid dan penilaian sendiri dapat dibuat berdasarkan keperluan dan pencapaian murid. Dengan kemudahan ini, murid dapat memperibadikan pembelajaran (personalised learning) dengan menyesuaikan gaya pembelajaran dan aras kesukaran mengikut kemampuan masing-masing. Melalui pendekatan sistem pembelajaran adaptif, motivasi, penglibatan dan autonomi murid dapat ditingkatkan di samping memupuk murid melaksanakan refleksi sendiri. AI dapat menganalisis apa yang telah dipelajari murid dan mencadangkan bahan bacaan tambahan atau sumber pembelajaran yang relevan untuk meningkatkan pemahaman, prestasi dan pengalaman pembelajaran mereka. Bukan itu sahaja, dengan adanya teknologi AI, pembelajaran yang lebih interaktif akan membantu murid memahami konsep dengan lebih baik dan menjadikan proses pembelajaran lebih menyeronokkan.



Walaupun demikian, penggunaan teknologi AI turut menimbulkan pelbagai cabaran yang perlu diberi perhatian. Sebagai contoh, memandangkan AI adalah teknologi untuk mengumpul, menyimpan dan memproses sejumlah besar data peribadi dan sensitif yang mungkin terdedah kepada penyalahgunaan atau manipulasi, timbul kebimbangan berhubung isu etika termasuk privasi, keselamatan, bias dan akauntabiliti yang berkemungkinan besar mempengaruhi murid. Isu teknikal merangkumi kualiti, kebolehpercayaan dan kesahihan teknologi AI bakal menimbulkan kerisauan dalam kalangan pihak berkepentingan termasuk, guru, ibu bapa dan murid. Dari aspek sosial pula, implikasi AI terhadap hubungan manusia, emosi dan nilai mungkin akan mempengaruhi gaya interaksi, motivasi dan kesejahteraan mental guru serta murid.

Transformasi KPM ke arah AI dalam Pendidikan

Sebagai usaha awal KPM ke arah ketersediaan teknologi AI dalam pendidikan, KPM sedang dalam tindakan memastikan kesaksamaan, kualiti dan capaian dalam pendidikan digital untuk seluruh masyarakat diwujudkan. Tiga komponen utama yang menjadi teras bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang mampan adalah seperti yang berikut:

I. Komponen infrastruktur dan teknologi

merangkumi peranti, capaian, kesalinghubungan digital serta ruang dan kemudahan pembelajaran;

II. Komponen infostruktur

merangkumi kandungan pembelajaran, pedagogi, latihan, penyelidikan, aplikasi dan pelantar pembelajaran;

III. Komponen sinergi pihak berkepentingan

merangkumi murid, pendidik, pemimpin sekolah, ibu bapa, komuniti dan rakan strategik sama ada dalam sektor awam mahupun sektor swasta.

Prasarana digital yang baik dan saling melengkapi penting bagi membolehkan penyampaian perkhidmatan pendidikan berkesan. Prakarsa Pendidikan MADANI 4: Membina Ekosistem Pendidikan Digital memberi fokus kepada usaha memperkasakan infrastruktur rangkaian sebagai langkah siap siaga negara menyediakan capaian perkhidmatan jalur lebar yang lebih meluas, di samping memberikan faedah kepada sekolah-sekolah di bandar mahupun di luar bandar. Seterusnya Pusat Kegiatan Guru (PKG) dan Sektor Sumber dan Teknologi Pendidikan (SSTP) turut diperkasa dengan memperkuat akses kepada sumber pembelajaran digital dengan pembekalan perkakasan studio digital serta hab penghasilan digital bertujuan membangunkan kandungan digital berkualiti dan percambahan inovasi dalam pembelajaran dan pengajaran. Sebagai tambahan, melalui Agenda Reformasi Pendidikan, Pasukan Petugas Khas Pendidikan Digital kini dalam usaha membekalkan peranti PdP ke sekolah dan meningkatkan akses murid kepada kandungan digital yang berkualiti dengan menyebarkan penggunaan platform DELIMa. Justeru, sebagai langkah untuk mempercepatkan transformasi pendidikan, DELIMa turut dilengkapi dengan teknologi AI seperti Bard, Perplexity, Claude, Conker dan Chat KPM demi memberikan pengalaman pembelajaran yang bermakna dan menyeluruh kepada murid.

Sebagai kesimpulan, penggunaan teknologi AI dalam pendidikan merupakan bidang yang mempunyai banyak peluang dan cabaran. Ketersediaan ekosistem yang mantap adalah amat penting dalam memastikan negara dapat menyediakan generasi pewaris negara dengan ilmu dan kemahiran tinggi berkaitan AI agar mampu memenuhi keperluan tenaga mahir. Oleh yang demikian, selari dengan aspirasi membangun Malaysia MADANI, KPM sentiasa komited memastikan murid memperoleh manfaat yang optimum dalam pendidikan dan kekal berdaya saing pada peringkat global.

Haji Azman Bin Haji Adnan

KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA



Isu-isu Pendidikan

1. KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) MENJUNJUNG KASIH TITAH DIRAJA KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG XVII

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merafak sembah menjunjung kasih atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar sempena pembukaan penggal ketiga, Parlimen Kelima belas pada 26 Februari 2024 yang turut menyentuh beberapa perkara yang melibatkan bidang pendidikan.

2. KPM AMBIL TINDAKAN SEGERA TANGANI SALAH LAKU BULI SEPERTI YANG TULAR DALAM MEDIA SOSIAL

KPM memandang serius kes salah laku buli yang tular di media sosial pada hari ini. Kes ini berada dalam perhatian dan siasatan sedang dijalankan bagi memastikan dapat diselesaikan segera. KPM telah mengambil langkah awal bagi menangani kes ini berdasarkan kepada Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 12 Tahun 2023: Pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Buli di Institusi Pendidikan Bawah KPM. Ini termasuk dengan menghubungi ibu bapa atau penjaga, menjalankan siasatan yang telus dan terperinci, memaklumkan kes kepada Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada semua murid terlibat.

3. KPM TEKAD PERKUKUH KERJASAMA DENGAN SPP ATASI ISU KEKURANGAN GURU

KPM sentiasa bekerjasama erat dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) untuk memastikan isu kekurangan guru di sekolah-sekolah seluruh negara dapat diatasi. Sinergi kerjasama strategik kedua-dua pihak cukup signifikan dalam memastikan unjuran guru memenuhi keperluan semasa. Pengambilan seramai 6315 orang graduan bukan pendidikan sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 secara Contract of Service (COS) seperti yang diumumkan oleh SPP pada minggu lalu adalah cerminan komitmen berterusan kerajaan untuk memastikan unjuran keperluan dan penempatan guru di sekolah dipenuhi.

4. KPM PERKASAKAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN MURID MENERUSI PEMBUDAYAAN AMALAN MEMBACA AKHBAR

KPM telah mengambil inisiatif untuk memperkasakan penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid dengan membudayakan amalan membaca akhbar di sekolah. Bagi menjayakan inisiatif ini, sekolah-sekolah KPM di Semenanjung Malaysia diseru untuk melanggan akhbar Berita Harian, Utusan Malaysia dan Sinar Harian yang merupakan akhbar utama berbahasa Melayu di negara ini. Pembelian akhbar boleh dilakukan terus oleh pihak sekolah menggunakan peruntukan sedia ada. KPM percaya inisiatif ini dapat membantu meningkatkan penguasaan bahasa kebangsaan dalam kalangan murid.

5. TIADA TOLAK ANSUR TERHADAP KES SALAH LAKU SEKSUAL DI SEMUA INSTITUSI PENDIDIKAN KPM

KPM memandang serius kes salah laku seksual yang melibatkan guru dan murid seperti yang dilaporkan oleh media. Kes ini berada dalam perhatian KPM dan tindakan telah diambil mengikut garis panduan sedia ada. KPM juga bersedia memberi kerjasama penuh kepada siasatan yang sedang dijalankan oleh pihak berkuasa.

6. PELAKSANAAN PENGHAYATAN HADIS 40 IMAM NAWAWI DI SEMUA INSTITUSI PENDIDIKAN KPM MARTABATKAN SYIAR ISLAM

Bermula Sesi Persekolahan 2024/2025, aktiviti penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi akan diperluaskan di semua institusi pendidikan KPM termasuk di sekolah, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Kolej Vokasional dan Kolej Matrikulasi. Inisiatif yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim ini melibatkan guru, murid dan seluruh warga institusi pendidikan KPM yang beragama Islam. Setakat ini, telah dilaksanakan di 61 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), 185 Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Menengah dan 43 SABK Rendah melibatkan seramai 12,673 orang guru dan 120,489 orang murid menerusi pelbagai aktiviti yang dirancang.

7. 6,034 GURU LANTIK KONTRAK (COS) BAHARU DITEMPATKAN DI SEKOLAH KPM SELURUH NEGARA

KPM mengumumkan penempatan seramai 6,034 orang guru baharu Lantikan Secara Kontrak (COS) di sekolah-sekolah KPM seluruh negara bermula pada 15 April 2024. Seramai 1,858 calon daripada keseluruhan jumlah guru baharu COS ditempatkan di sekolah menengah manakala seramai 4,176 lagi di sekolah rendah. Penempatan guru baharu COS dibuat berdasarkan kepada tiga prinsip asas iaitu kepentingan perkhidmatan, kekosongan perjawatan serta keperluan opsyen atau mata pelajaran semasa di sekolah.

8. KPM GIAT LAKSANAKAN PELBAGAI INISIATIF PENTING UNTUK KUKUHKAN AGENDA REFORMASI PENDIDIKAN NEGARA

KPM mengambil perhatian Laporan Bank Dunia bertajuk *Bending Bamboo Shoots: Strengthening Foundation Skills* berkenaan sistem pendidikan negara. Perkara utama yang disentuh dalam laporan Bank Dunia seperti kualiti dan akses pendidikan prasekolah, kecekapan murid serta pembangunan profesionalisme guru sememangnya berada dalam perhatian KPM. KPM kini sedang melaksanakan pelbagai inisiatif penting bagi mereformasikan pendidikan negara. Ini termasuk penstrukturan semula sistem prasekolah, Kurikulum Persekolahan 2027 dan intervensi kurikulum bagi menangani keciciran pembelajaran.

9. KPM LAKSANA SEGERA PROGRAM BERSAMA SAINTIS UNTUK TINGKATKAN MINAT MURID DALAM STEM

KPM menyambut arahan YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk menganjurkan program bersama saintis di seratus buah sekolah seluruh negara bagi meningkatkan minat murid dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Ini akan dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Seperti yang dihasratkan oleh YAB Perdana Menteri, sinergi antara kementerian dan semua pihak berkepentingan dipergiatkan bagi meningkatkan minat dan penyertaan murid dalam STEM.

10. PENGANJURAN PROGRAM DAN PENYALURAN SUMBANGAN SEKOLAH - MESYUARAT JEMAAH MENTERI (MJM) SETUJU KEKALKAN GARIS PANDUAN SEDIA ADA

Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) telah bersetuju mengekalkan garis panduan sedia ada yang antara lain menggariskan aktiviti sumbangan dana kepada sekolah tidak boleh memapar dan mempromosi minuman keras di dalam premis sekolah. Pada masa sama, Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) juga mengambil pendirian untuk memberi pertimbangan kepada sekolah vernakular menerima sumbangan dana melalui Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) dan yayasan seperti mana yang telah diamalkan sejak beberapa pentadbiran terdahulu dan tidak pernah dipertikaikan mana-mana pihak. Bagaimanapun, Jemaah Menteri menegaskan bahawa penganjuran aktiviti melibatkan jenama minuman keras tidak boleh melibatkan pelajar Islam.

11. APPLE LEARNING COACH PERKASAKAN KOMPETENSI DIGITAL GURU

KPM bekerjasama dengan Apple untuk melaksanakan Apple Learning Coach, program pensijilan profesional percuma, yang melatih jurulatih instruksional dan para pendidik, untuk membimbing guru memanfaatkan sepenuhnya teknologi Apple dalam pengajaran dan pembelajaran. Inisiatif ini selaras dengan Dasar Pendidikan Digital (DPD) khususnya bagi Teras 2, yang memberikan keutamaan kepada pemeraksanaan kompetensi digital pendidik melalui program pembangunan profesional yang berterusan. Sebagai permulaan, seramai 1,500 guru terpilih di seluruh negara akan menerima latihan khusus mulai tahun ini.

12. INTERVENSI KURIKULUM SEDANG BERJALAN, KPM LAKSANAKAN PENAMBAHBAIKAN KEPADA KURIKULUM SEDIA ADA

KPM prihatin terhadap kegusaran masyarakat mengenai isu kurikulum berat seperti yang dilaporkan di laman media sosial. Pada bulan Mac 2024, KPM telah mengumumkan inisiatif intervensi kurikulum yang merupakan salah satu daripada hala tuju Reformasi Pendidikan yang sedang berjalan. Ia bertujuan menambah baik kurikulum sedia ada bagi memastikannya relevan dengan keperluan murid.

Aktiviti Presiden 2024



KGMMB telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Kesatuan Sekerja Contoh 2024 Sektor Awam. Anugerah ini disampaikan oleh Yang Berhormat Encik Steven Chee Keong, Menteri Sumber manusia (KESUMA) di Putrajaya International Convention Centre (PICC) pada 14 November 2024.



Majlis Penyerahan cek bernilai RM 102,500.00 kepada waris arwah Cikgu Hasnatul Adilah binti Hassan yang telah meninggal dunia kerana terlibat dalam kemalangan bas. Majlis diadakan pada 16 November 2024 di Melaka.



Sesi Libat Urus & Dialog Pendidikan Bersama YB Menteri Pendidikan di Hotel Park Avenue, Sg Petani, Kedah pada 3 Mac 2024



Menghadiri Sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan di SASICC, Pahang pada 16 Mei 2024



Majlis Setulus Kasih Seindah Memori di Hotel Grand Alora, Alor Setar, Kedah pada 27 Mei 2024



Program Profesional Chit Chat : Pemerolehan Koleksi Pertubuhan Bukan Kerajaan Sebagai Memori Kolektif Dan Warisan Negara di Memorial Tun Hussein Onn (MTHO) Arkib Negara pada 28 Oktober 2024.



Persidangan Perkhidmatan Pendidikan Tahun 2024 di Bangi Avenue Convention Centre pada 6 Jun 2024



Mesyuarat BPSM KPM Bersama Kesatuan/Persatuan Perkhidmatan Pendidikan Bil 1/2024 di Bilik Mesyuarat Teratai, Blok E12 pada 28 Jun 2024



Persidangan Pengetua Terengganu Ke-36 di Hotel Rosa Passadena, Cameron Highlands pada 24 Julai 2024




Kunjungan mengadakan Jalinan Kerjasama antara KGMMB dengan Fakulti Pembangunan Manusia, UPSI pada 27 Julai 2024



Konvensyen Guru Besar Pulau Pinang di Hotel Langkasuka, Pulau Langkawi pada 14 Ogos 2024



Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Kali Ke-19 di Pusat Konvensyen Putrajaya (PICC) pada 16 Ogos 2024



Dialog Belanjawan 2025 KPM di Auditorium Kompleks E pada 30 Ogos 2024



KGMMB & PGMPPS mengadakan Majlis Kunjung Hormat Jasamu Dikenang Budimu Disanjung pada 20 Ogos 2024 di Bertam Resort



Kursus Asas Kecerdasan Buatan (AI) Dalam Pedagogi Pendidikan disampaikan oleh Duta Akademik KGMMB iaitu Dr Kama Bin Shaffeei, Pensyarah Kanan, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) pada 5 Oktober 2024 di Hotel Royale Chulan, Seremban, Negeri Sembilan.

Perasmian Bangunan KGMMB Cawangan Johor

Pada 1 Mac 2024, telah berlangsung Majlis Perasmian bangunan KGMMB Cawangan Johor. Majlis disempurnakan oleh Tuan Haji Juhari Mohammad Nor selaku Presiden KGMMB. Turut serta dalam majlis tersebut ialah Pegawai Kanan KGMMB dan AJK serta ahli KGMMB Cawangan Johor.




Pembelian Bangunan KGMMB Cawangan Kedah

Majlis menandatangani pembelian bangunan KGMMB Cawangan Kedah telah dibuat pada 6 Julai 2024 bertempat di Hotel Regency. KGMMB diwakili oleh Pemegang Amanah yang terdiri daripada Presiden, Timbalan Presiden dan Naib Presiden I disaksikan oleh Setiausaha Agung. Pada 25 Mei 2024, Presiden dan Pegawai Kanan KGMMB telah mengadakan Lawatan Tapak ke atas cadangan pembelian bangunan KGMMB Kedah. Perbincangan diadakan dengan pemilik bangunan dan persetujuan dicapai dengan harga yang telah dirunding antara kedua-dua pihak.



Pembelian Bangunan KGMMB Cawangan Pulau Pinang

Presiden KGMMB, Cikgu Haji Juhari Mohammad Nor menandatangani perjanjian pembelian bangunan KGMMB Cawangan Pulau Pinang bersama-sama pihak pemaju Bertam Properties Sdn Bhd.



Anugerah Kesatuan Sekerja Contoh

Pada 14 November 2024, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) bersama Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) telah menganjurkan Majlis Perhimpunan Kesatuan Sekerja Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 sebagai pengiktirafan kepada peranan kesatuan sekerja di Malaysia. Majlis ini memberi penghargaan kepada kesatuan dan tokoh kesatuan yang telah memperjuangkan hak dan kebajikan pekerja di negara ini.

Sebagai sebahagian daripada usaha ini, lima anugerah khas disampaikan, termasuk Anugerah Khas Menteri Sumber Manusia, Anugerah Tokoh Kesatuan Sekerja, serta Anugerah Kesatuan Sekerja Contoh bagi sektor awam, swasta, dan badan berkanun.

Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) telah mencatat sejarah gemilang apabila dinobatkan sebagai penerima Anugerah Kesatuan Sekerja Contoh bagi Sektor Awam yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Anugerah berprestij ini disampaikan oleh YB Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia, sebagai pengiktirafan terhadap kecemerlangan KGMMB dalam mengangkat mutu pengurusan kesatuan serta komitmen tinggi dalam memperjuangkan kebajikan dan profesionalisme ahli-ahlinya.

Mewakili KGMMB untuk menerima anugerah tersebut ialah Presiden KGMMB, Tuan Haji Juhari Mohamad Nor, yang turut menyatakan rasa syukur dan penghargaan atas pencapaian ini. Beliau menekankan bahawa pengiktirafan ini menjadi pemangkin untuk terus memperkukuh peranan KGMMB sebagai kesatuan yang progresif dan inklusif demi manfaat guru-guru Melayu seluruh negara. Anugerah ini turut mengukuhkan kedudukan KGMMB sebagai contoh unggul dalam kalangan kesatuan sekerja sektor awam.



Forum Remaja: DBP dan KGMMB Seiring Bersama Memperkasakan Bahasa Melayu

Kerjasama antara Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di bawah pimpinan Cikgu Haji Juhari Mohamad Nor telah mengukuhkan usaha memartabatkan Bahasa Melayu. Pertandingan Forum Remaja Peringkat Kebangsaan 2024, berlangsung dari 9 hingga 11 Julai di Balai Budaya Tun Syed Nasir, Wisma DBP, menjadi platform utama meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar sekolah menengah.

Program ini dianjurkan oleh Bahagian Pengembangan Kesusasteraan Kanak-kanak dan Remaja (BPSKR) dengan sokongan KPM dan KGMMB, melibatkan 16 pasukan sekolah dari seluruh Malaysia. Presiden KGMMB, Tuan Haji Juhari, menekankan pentingnya meneruskan program yang memupuk keilmuan dan kesantunan berbahasa.

SMK Baru Bintulu, Sarawak, muncul juara dengan hadiah wang tunai RM2,500, sijil, dan buku terbitan DBP. Tempat kedua dimenangi oleh SMK Tarcisian Convent, Perak (RM1,500), dan ketiga oleh SMK Kuhara, Tawau (RM1,000). Tiga sekolah menerima saguhati (RM500): SMK Jengka Pusat, Kolej Sultan Abdul Hamid, dan SMK Tun Syed Zahiruddin.



Seminar Profesionalisme Kepimpinan Kebangsaan

Seminar ini berlangsung dari 26 hingga 28 Mei 2024 di Hotel Grand Alora, Alor Setar, dianjurkan oleh KGMMB untuk memperkukuhkan peranan dan tugas jawatankuasa cawangan. Disertai oleh 119 peserta, seminar ini menampilkan sesi teknik pengucapan awam oleh Prof. Dato' Dr. Abdul Mua'ti@Zamri Ahmad (UPM) dan ceramah mengenai kesatuan sekerja oleh Pn. Noraini Nordin (Pengarah JHEKS Kedah, Perlis, dan Pulau Pinang).

Sesi perkongsian amalan terbaik cawangan turut diadakan, memberi peluang peserta belajar, berkongsi pengalaman, dan membina jaringan kerjasama. Seminar dirasmikan oleh Presiden KGMMB, Tuan Haji Juhari Mohamad Nor, yang menegaskan pentingnya program ini untuk memantapkan pengurusan cawangan.



Majlis Setulus Kasih Seindah Memori

Pada 27 Mei 2024, Majlis Setulus Kasih, Seindah Memori telah diadakan dengan penuh gilang-gemilang di Hotel Grand Alora, Alor Setar. Majlis ini diadakan sebagai penghargaan terhadap jasa dan sumbangan mantan Pegawai Kanan dan Majlis Jawatankuasa Kebangsaan (MJKA) yang telah mencurahkan bakti serta komitmen mereka kepada Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) selama ini.

Majlis ini diserikan dengan kehadiran Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Kedah, Tuan Hj. Ismail bin Othman, bersama barisan Ketua Pegawai Pendidikan Daerah (KPPD) Negeri Kedah.

Acara utama dalam majlis ini adalah penyampaian Pingat Tokoh Kepimpinan, Pingat Jasa Cemerlang dan Pingat Jasa Bakti, Sijil Penghargaan dan saguhati kepada mantan Pegawai Kanan dan MJKA.

Penerima PINGAT TOKOH KEPIMPINAN (Mantan Presiden KGMMB)

Cikgu Jasni bin Md. Kechik., AMK, BKM.

Penerima PINGAT JASA CEMERLANG, (Mantan Pegawai Kanan)

1. Cikgu Mohamad Arshad bin Mat Jelani, PPT
2. Cikgu Hasnan bin Abd Wahab
3. Cikgu Nadzaruddin bin Kasim
4. Cikgu Mohd Azhar bin Yahya, AMP.
5. Cikgu Muhammad Aris bin Shuib
6. Cikgu Ibrahim bin Marlan
7. Cikgu Kamarul Zaman bin Hussin
8. Cikgu Mohd Said bin Hussin
9. Cikgu Hj. Che Zahari bin Mustapha, ASK.
10. Cikgu Kamarul Isam bin Isa

Penerima PINGAT JASA BAKTI, (Mantan Majlis Jawatankuasa Agung (MJKA))

1. Cikgu Zainul 'Abidin bin Ismail, AMK., BKM.
2. Cikgu Mohd Nazir bin A. Kechik
3. Cikgu Hj. Mohd Mokhzani bin Musa
4. Cikgu Ramlan bin Mislan
5. Cikgu Fadil bin Osman
6. Cikgu Jamaludin bin Mustafa
7. Cikgu Hj. Dianuddin bin Othman
8. Cikgu Mohd Firdaus bin Ahmad Suhaimi
9. Cikgu Kamaluddin bin Mohd Kassim
10. Cikgu Mohd Haszam bin Mohd Husin
11. Cikgu Mohd Sapeee @ Mohd Rafi bin Iman
12. Cikgu Hafezie bin Md Salleh
13. Cikgu Yuseri bin Mustapa
14. Cikgu Azman bin Mat Yasin



Penerima PINGAT TOKOH KEPIMPINAN (Mantan Presiden KGMMB)



Penerima PINGAT JASA CEMERLANG, (Mantan Pegawai Kanan)



Penerima PINGAT JASA BAKTI, (Mantan Majlis Jawatankuasa Agung (MJKA))

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) Koperasi KGMMB Bhd Ke-26 Tahun 2024

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi KGMMB Berhad kali ke-26, tahun 2024 telah diadakan pada 5 hingga 6 Julai 2024 di Hotel Putra Regency, Kangar Perlis dengan dirasmikan oleh Yang Berbahagia Encik Amran bin Abd Kadir, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Jumlah kehadiran perwakilan pada MAPT kali ini seramai 98 orang daripada keseluruhan perwakilan 113 orang. Lima (5) orang Anggota Lembaga Koperasi (ALK) yang gugur pada tahun 2024 ialah Cikgu Ibrahim bin Marlan, Cikgu Hj. Mohd Said bin Hussin, Cikgu Jasni bin Md Kechik, Cikgu Hj. Hamzah bin Koleh dan Cikgu Hj Abu Bakar bin RA Mohd Abdullah. Dua orang ALK berjaya mengekalkan jawatan disamping tiga orang ALK baharu yang berjaya terpilih bagi tahun 2024/2025 ialah Cikgu Mohd Haszam bin Mohd Husin, Cikgu Kamarul Isam bin Isa dan Cikgu Mohd Faisal bin Baharim. Turut diadakan majlis menandatangani perjanjian usahasama antara koperasi dengan DRH Group yang diwakili oleh Dato' Abd Rahman bin Harun.



Mesyyarat Agung Kawasan Koperasi Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat Berhad Secara Dalam Talian Bagi Kali Ke-14 Tahun 2024

Dua belas (12) kawasan telah mengadakan Mesyyarat Agung Kawasan (MAK) Koperasi KGMMB Berhad secara dalam talian. Mesyyarat telah berlangsung dari 26 hingga 28 April 2024 dengan dikendali oleh pihak konsultan CTRM. Mesyyarat dirasmikan oleh Cikgu Ibrahim Marlan selaku Pengerusi Koperasi KGMMB Berhad. Seratus tiga belas (113) orang anggota perwakilan tahun 2023 kekal sebagai perwakilan untuk ke Mesyyarat Agung Perwakilan Tahunan kali ke-26, tahun 2024.

Walaupun mesyyarat diadakan secara dalam talian kehadiran anggota amatlah menggalakkan, butiran lanjut mengenai kehadiran MAK tahun 2024 adalah seperti berikut;

TARIKH	KAWASAN	KEHADIRAN	PERWAKILAN KE MAPT
26/04/24	Johor	157 anggota	11 anggota
26/04/24	Kedah	222 anggota	16 anggota
26/04/24	Kelantan	107 anggota	4 anggota
26/04/24	Terengganu	206 anggota	9 anggota
27/04/24	Perak	73 anggota	15 anggota
27/04/24	Melaka	142 anggota	5 anggota
27/04/24	Perlis	306 anggota	5 anggota
27/04/24	Pahang	184 anggota	8 anggota
28/04/24	Negeri Sembilan	158 anggota	9 anggota
28/04/24	Pulau Pinang	246 anggota	7 anggota
28/04/24	Selangor	136 anggota	18 anggota
28/04/24	Wilayah Persekutuan	131 anggota	6 anggota
Jumlah		2,068 anggota	113 anggota



Banglo Milik Koperasi KGMMB Bhd Untuk Dijual

Koperasi KGMMB Berhad memiliki satu unit banglo yang bernilai RM880,000.00 yang hendak dijual kepada anggota yang berminat di Banting, Daerah Kuala Langat, Selangor. Banglo ini adalah sebagai tukaran daripada pemaju, Kamuja Sdn Bhd untuk projek bangunan 4 tingkat di Bandar Baru Bangi yang dibeli oleh koperasi pada harga RM4 juta. Rumah banglo ini terletak di No. 3 Jalang Ilang-Ilang 7, Taman Kenanga, Kampung Kanchong Darat 42700 Banting, Selangor.



Aset Dan Hartabenda Milik Koperasi KGMMB Berhad

1. Bangunan di Jalan Sentul, Ibu pejabat Koperasi dan Kesatuan
2. Bangunan Hotel Mutiara di Melaka
3. Bangunan di Jalan Pudu, Kuala Lumpur
4. Bangunan di Teluk Intan, Perak
5. Bangunan di Alor Setar, Kedah
6. Bangunan di Kuala Terengganu
7. Bangunan di Bukit Mertajam, Pulau Pinang
8. Bangunan di Sabak Bernam, Selangor
9. Bangunan di Kangar, Perlis
10. Tanah di Paya Jauh, Temerloh, Pahang.
11. Tanah di Mukim Segumpal, Maran, Pahang
12. Tanah di Gemuruh, Kuala Nerus, Terengganu
13. Taman di Mukim Semantan, Temerloh, Pahang



Bangunan di Sentul, Ibu
Pejabat Koperasi dan Kesatuan



Bangunan di Jalan Pudu,
Kuala Lumpur



Bangunan Hotel Mutiara di
Melaka




Bangunan di Taman Sena
Indah, Kangar, Perlis



Bangunan Sabak Bernam, Selangor



Bangunan di Kuala Terengganu



Bangunan di Alor Setar, Kedah



Bangunan di Bukit Mertajam,
Pulau Pinang



Bangunan di Teluk Intan, Perak

Pembiayaan Dan Faedah Kebajikan Anggota Koperasi KGMMB Bhd

PEMBIAYAAN DAN FAEDAH KEBAJIKAN ANGGOTA KOPERASI KGMMB BHD

Pembiayaan kepada anggota merupakan teras utama perniagaan Koperasi KGMMB Berhad. Tujuan pembiayaan adalah membantu anggota yang memerlukan kemudahan kewangan secara tunai. Faedah yang diperolehi sebagai anggota koperasi adalah seperti berikut;

- i) Sebagai anggota aktif koperasi, anggota berhak menikmati faedah-faedah berikut:
 - A. Memperolehi dividen atas pelaburan setiap tahun tertakluk kepada keuntungan semasa koperasi.
 - B. Sumbangan Derma Kematian antara RM20,000.00 bagi kematian biasa dan RM30,000.00 atas sebab kemalangan serta sumbangan pengkebumian RM1,000.00 kepada waris / penama anggota yang aktif. Tiap waris kepada anggota aktif yang meninggal dunia layak mendapat faedah ini tanpa mengira umur anggota yang meninggal dunia.
 - C. Skim Pembiayaan Peribadi Khas Maksimun RM25,000.00 dengan tempoh bayaran balik 60 bulan. Caj perkhidmatan 3%, insurans 2% dan dalal BPA 1%.
 - D. Kemudahan Skim Pembiayaan Peribadi Biasa (Tunai) sehingga RM100,000.00 dengan tempoh bayaran balik 120 bulan (10 tahun). Tiada penjamin diperlukan bagi semua pembiayaan. Caj perkhidmatan 3%, insurans 2% & dalal BPA 1%.

- E. Kemudahan pembiayaan barangan pengguna sehingga RM100,000.00. Anggota boleh mendapatkan kemudahan pembiayaan untuk membeli barangan keperluan peribadi / rumah melalui cawangan Unit Pengguna. Tempoh bayaran balik selama 84 bulan (7 tahun). Tiada penjamin untuk pembiayaan pengguna.
- F. Rebate yang menarik bagi anggota yang menyelesaikan pembiayaan lebih awal.
- G. Pilihan barangan dan perkhidmatan tidak terhad kepada barangan elektrik meliputi pembiayaan memperbaharui cukai jalan, insurans kenderaan, tayar, baikpulih kenderaan, pembelian motosikal, barangan kemas dan sebagainya.
- H. Mulai tahun 2014 koperasi melancarkan Tabung Pendidikan dan Kebajikan Anggota & Staf (TPKA) dengan caruman sebanyak RM10.00 sebulan.
- ii) Faedah yang ditawarkan di dalam Tabung Kebajikan ini ialah :-
 - Melanjutkan pelajaran dari Diploma sehingga Doktor Falsafah
 - Kecemerlangan anak dalam pelajaran dari UPSR hingga STPM/STAM/Tahfiz
 - Bencana Alam sehingga maksima RM1,000 tertakluk kepada kelulusan ALK
 - Kematian bagi anggota, suami/ isteri, anak dan ibubapa
 - Faedah hospital pada kadar RM30 sehari untuk minima 3 hari dan maksima 20 hari

- Faedah bersara RM600 (mulai Januari 2020)
- Faedah sakit covid-19 RM200 (sehingga Mei 2022)
- Faedah mengerjakan Haji atau Umrah RM300 sekali sahaja (mulai Mac 2022)
- ii) Bagi anggota yang telah bersara dari perkhidmatan dan meneruskan keanggotaannya di koperasi layak menikmati faedah berikut:
 - A. Mengeluarkan 80% dari modal yuran terkumpul pada bila-bila masa.
 - B. Layak memohon pembiayaan tunai atau pengguna bercagarkan saham terkumpul. Bayaran bulanan dibuat terus kepada koperasi.
 - C. Menikmati faedah (A), (B), (F), (G), (H) dan (I) Bahagian 1 di atas.
- iii) Bagi anggota baharu, layak:
 - A. Layak menerima faedah (A) dan (B) Bahagian 1 di atas.
 - B. Menjadi anggota dan terus memohon perkara (D) dan (E) Bahagian 1 di atas.
 - C. Menikmati faedah (F), (G), (H) dan (I) Bahagian 1 di atas.

Bagi tahun kewangan 2023 Koperasi telah mengeluarkan pembiayaan kepada anggota sebanyak RM16,937,138.89. Berbanding dengan tahun sebelumnya, jumlah pembiayaan yang dikeluarkan meningkat sebanyak RM9,549,573.60 dan sehingga Ogos 2024 jumlah pembiayaan yang telah dikeluarkan oleh koperasi adalah sebanyak RM9,067,869.26.

JENIS PEMBIAYAAN	2022	2023	Ogos 2024
	JUMLAH (RM)	JUMLAH (RM)	JUMLAH (RM)
Pengguna	1,912,965.29	5,114,796.06	3,750,349.26
Peribadi	4,065,000.00	5,893,030.00	2,411,520.00
Pembiayaan Khas	1,409,000.00	5,929,322.83	2,906,000.00
JUMLAH	7,387,565.29	16,937,138.89	9,067,869.26

Aktiviti CUEPACS



Bengkel Skim Perkhidmatan Gred Pelajaran CUEPACS di STEG, Kuala Lumpur pada 5 - 7 Januari 2024



Sesi Libat Urus Kajian SSPA Bersama Perwakilan CUEPACS di Bilik Gerakan Kajian SSPA Kompleks C, JPA, Putrajaya pada 15 Februari 2024



Mesyuarat Jawatankuasa Gred Pelajaran CUEPACS Bil.3 di Wisma CUEPACS Kuala Lumpur pada 15 Feb 2024



Bengkel Skim Perkhidmatan Gred Pengurusan Dan Profesionalisme CUEPACS di Mardhiyyah Hotel & Suite, Shah Alam pada 16 - 18 Februari 2024



Sambutan Hari Pekerja di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 1 Mei 2024



Sambutan Hari Pekerja CUEPACS & Majlis Jalinan Kasih Silaturahmi Aidilfitri CUEPACS di Pusat Konvensyen MBSA, Shah Alam pada 2 Mei 2024



Majlis Anugerah Bintang Dan Pingat CUEPACS di Hotel Melia, Kuala Lumpur pada 23 Jun 2024



Mesyuarat Majlis KONGRES CUEPACS Bil.3 di Hotel Melia, Kuala Lumpur pada 23 Jun 2024

Aktiviti Kongres



Sesi Libat Urus dan Dialog Pendidikan Bersama Menteri Pendidikan di Park Avenue Hotel Sungai Petani, Kedah pada 3 Mac 2024



Malam Apresiasi Pendidikan KONGRES di Park Avenue Hotel, Sungai Petani pada 24 Mei 2024



Meraikan Mantan Presiden Kongres Di Park Avenue Hotel Sungai Petani, Kedah pada 24-25 Mei 2024



Pertandingan Ten Pin Bowling Di Park Avenue Bowling Sungai Petani, Kedah pada 25 Mei 2024



Majlis Setulus Kasih Seindah Memori turut dihadiri wakil-wakil KONGRES pada 27 Mei 2024 di Hotel Grand Alora, Alor Setar, Kedah



Persidangan Antarabangsa Profesionalisme Penaziran 2024, pada 1—2 Jun 2024 di KSL Esplanade Hotel.



Mesyuarat Pengurusan Sumber Manusia KPM Di Bilik Mesyuarat Teratai pada 28 Jun 2024



Mesyuarat Penyediaan Draf Kalendar Akademik Sesi 2025/2026 di Bahagian Pengurusan Sekolah Harian pada 3 September 2024

Aktiviti KGMMB Cawangan



Majlis Kunjung Hormat KGMMB Cawangan Pahang Barat ke Jabatan Pendidikan Negeri Pahang pada 2 Januari 2024



Program Boling Tenpin Bersama Ahli KGMMB Melaka bertempat di Melaka International Bowling Centre (MIBC) pada 27 Januari 2024.



Seminar Pendidikan Guru KGMMB Cawangan Selangor diadakan pada 2 hingga 3 Februari 2024 di Hotel EDC, Kuala Lumpur



Program Majlis Rai Mantan KGMMB WPKL 2020/2023 pada 9 Mac 2024 bertempat di Hotel Melia, Kuala Lumpur



Program Karnival Sukan PGMK dan KGMMB Kedah 2024 di IPG Kampus Sultan Abdul Halim, Sungai Petani, Kedah pada 17 hingga 18 Mac 2024



Program Berbuka Puasa KGMMB Cawangan Johor Bersama Anak-Anak Yatim di VIP Hotel, Segamat Pada 29 Mac 2024



Majlis Santunan Hati Anak Yatim Dan Fakir Miskin anjuran KGMMB Kedah Tengah dan Kedah Selatan pada 30 Mac 2024 di Zaques Hotel Sungai Petani



Majlis Sambutan Hari Raya bersama anak-anak Maahad Tahfiz Kuantan anjuran KGMMB Pahang Timur pada 27 April 2024

Aktiviti KGMMB Cawangan



KGMMB Terengganu telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Pengarah Pendidikan Terengganu pada 25 Mei 2024.



Program Khidmat Masyarakat KGMMB Perak Utara dengan Kerjasama JHEKS Perak di Rumah Kebajikan Anak Yatim dan Miskin Al Taqwa, Pengkalan Hulu pada 29 Jun 2024.



Program Menambah Ahli di sekitar Sekolah-sekolah di Negeri Perlis pada 25 Jun 2024



Program Bakti Sosial KGMMB Perak Selatan dengan kerjasama Sekolah Lekir, Batu 8, Lekir, Perak pada 13 Julai 2024



Sumbangan Bubur As Syura ke Rumah Anak Yatim anjuran KGMMB Kelantan pada 5 Ogos 2024.



Bengkel Teknik Menjawab SPM 2024 anjuran KGMMB Negeri Sembilan pada 17 Ogos 2024 di Dewan SMK Tunku Muhammad, Kuala Pilah.



Program Menyusuri Akar anjuran KGMMB Kedah Utara 2 Kg Bukit Lada, Pokok Sena, Kedah pada 24 Ogos 2024.



Taklimat KGMMB Pulau Pinang kepada guru baharu Daerah Seberang Perai Utara pada 28 Ogos 2024 di bilik seminar PPD Seberang Perai Utara.

Aktiviti-Aktiviti Koperasi KGMMB Bhd Sepanjang Tahun 2024

AKTIVITI-AKTIVITI KOPERASI KGMMB BHD SEPANJANG TAHUN 2024

Koperasi KGMMB Berhad melalui Unit Pengguna dan Unit Hotel telah mengadakan pameran dan jualan bersama Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) dan lain-lain agensi seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, RedOne Network, Great Eastern Takaful, Fauzi Agensi dan lawatan kerja oleh koperasi luar seperti Koperasi Pegawai Republik Indonesia – Propinsi Riau dan sebagainya. Antara aktiviti anjuran koperasi dan KGMMB ialah majlis berbuka puasa dan sambutan Hari Raya Aidil Fitri yang diadakan di bangunan ibu pejabat Koperasi KGMMB Berhad di Jalan Sentul, Kuala Lumpur serta Hari Guru Peringkat Kebangsaan pada 14 hingga 16 Mei 2024 di Kuantan, Pahang.

I. Majlis Berbuka Puasa anjuran bersama Koperasi dan KGMMB pada 15 Mac 2024



II. Perjanjian Usahasama bersama Pembekal Unit Pengguna pada 15 Mac 2024



III. Majlis Sambutan Hari Raya Aidil Fitri 1445H pada 26 April 2024



IV. Lawatan Gabungan Koperasi Pegawai Republik Indonesia—Propinsi Riau pada 11 Jun 2024



V. Hari Guru Peringkat Kebangsaan di Kuantan, Pahang pada 14—16 Mei 2024



VI. Kongress Koperasi Kebangsaan anjuran ANGKASA di PWTC pada 24—26 Julai 2024 dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim .



VII. Pameran dan Promosi Jualan oleh Unit Pengguna dan Unit Hotel Mutiara KGMMB Melaka



Anugerah Koperasi Terbaik Peringkat Wilayah Persekutuan Tahun 2024

Koperasi Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat Berhad telah berjaya mendapat tempat ke-16 bagi 50 koperasi terbaik peringkat Wilayah Persekutuan pada tahun 2024, ini meningkat lebih baik daripada kedudukan ke-24 pada tahun 2022. Majlis diadakan pada 18 Julai 2024 di Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3, Putrajaya. Koperasi diwakili oleh Pengerusi dan Setiausaha, iaitu Cikgu Ibrahim bin Marlan dan Cikgu Ahmad Nawawi bin Shaari bagi menerima sijil penghargaan yang disampaikan oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Datuk Ewon Benedick. Koperasi juga mengekalkan kedudukan bagi tempoh 4 tahun berturut-turut berada dalam senarai 100 koperasi terbaik Malaysia dan berjaya mendapat tempat ke-52 bagi tahun 2023.





HOTEL MUTIARA KGMMB

📍 No. 14, Jalan BPM 2, Taman Bukit Piatu
Mutiara, 75150 Melaka

FROM

RM 70 / NIGHT
ROOM ONLY

Contact Us

☎ +606 281 9073



HOTEL SERI WARISAN

📍 No. 12 Jalan Hang Tuah, 75300 Melaka

FROM

RM 88 / NIGHT
ROOM ONLY

Contact Us

☎ +606 281 3334

✉ seriwarisanmelaka@gmail.com

It's
time to
travel!

Contact Us

☎ +603 2181 5512

✉ drhtraveltours.info@gmail.com

DRH

TRAVEL & TOURS SDN BHD
(1405512-P)

